

11 MAY 1997

Mahathir-Dilemma

DR MAHATHIR TUKAR PENDIRIAN MENGENAI "THE MALAY DILEMMA"

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengakui pendapatnya dalam buku "The Malay Dilemma" mengenai ketidakupayaan orang Melayu mencapai kejayaan telah dibuktikan tidak benar pada masa ini.

Perdana Menteri yang juga penulis buku itu berkata keadaan orang Melayu sekarang amat jauh berbeza kerana mereka kini sanggup dan mampu mengejar sesuatu kebolehan jika diberi peluang.

"Saya mengaku bahawa dalam buku saya "The Malay Dilemma", saya pada ketika itu berasa begitu kecewa sekali, sesudah bercakap dengan banyak orang yang sebaya dengan saya tetapi nampak mereka tidak yakin. Saya pun terus tidak yakin bahawa orang Melayu boleh mencapai kejayaan.

"Sekarang saya 'reverse' (menukar) saya punya 'stand' (pendirian), saya tak percaya lagi dengan apa yang saya tulis dalam The Malay Dilemma," katanya ketika menyampaikan amanat pada penutupan Forum Pengkisahan Sejarah Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra. Majlis anjuran Pergerakan Pemuda Umno itu diadakan sempena sambutan ulangtahun ke-51 Umno hari ini.

Buku yang diterbitkan pada tahun 1970 dan diulang-cetak beberapa kali, pernah diharamkan di negara ini dan hanya dibenarkan penjualannya setelah Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata kebolehan orang Melayu kini mencapai tahap luar biasa -- daripada golongan yang dianggap mundur sehingga berjaya dengan cemerlang.

Beliau lalu menyebut mengenai anak penanam padi yang sekarang ini mampu memiliki syarikat kapal terbang setelah mendapat peluang menuntut ilmu.

"Orang Melayu tak kurang daripada orang lain...bahkan kita sekarang ini menjadi guru kepada banyak bangsa lain. Mereka datang ke sini untuk melihat bagaimana kita dapat mengubah nasib kita dan membangunkan negara kita.

"Sekarang ini selepas 51 tahun Umno ditubuhkan dan 40 tahun negara kita merdeka, keadaan sudah berubah," katanya.

Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim serta para pemimpin Umno dari seluruh negara menghadiri sambutan ulangtahun itu. Ia dimulakan dengan acara menaikkan bendera Umno serta perasmian Galeri Umno oleh Dr Mahathir.

Galeri itu yang terletak di lobi Menara Datuk Onn, ibu pejabat parti, mempamerkan sejarah penubuhan dan perkembangan Umno.

Dr Mahathir berkata Malaysia perlu mengejar kemajuan dan membuktikan pencapaiannya dalam apa jua kemahiran untuk terus memikat perhatian dunia.

"Kalau kita kecil dan kita hendak orang tahu kita ada, maka kita perlu menjerit kuat-kuat supaya orang lihat di bawah ini ada satu manusia kenit.

"Tetapi kalau kita jadi gergasi, tak payah menjerit lagi...kita berdiri sahaja, orang tahu kita ada," katanya disambut tepukan gemuruh.

Dengan mengambil bahasa sebagai contoh, Dr Mahathir berkata bahawa perjuangan orang kenit dengan gergasi berbeza dari segi kaedah, cara dan pendekatan.

"Soal bahasa, umpamanya...masa kita kecil, kita menjerit, saya juga sama-sama menjerit dulu, bahkan saya menjerit lebih awal daripada orang yang dok menjerit sekarang ini.

"Saya tulis dalam 'Straits Times' semasa di universiti dulu tentang bahasa Melayu... masa itu tak banyak orang bercakap tentang bahasa Melayu tetapi masa itu perlu kita tekankan adanya bahasa Melayu.

"Tetapi sekarang, bahasa yang digunakan oleh gergasi ini, tak payah dia menjerit lagi kerana cuma perlu bercakap perlahan," katanya.

Dalam hubungan itu, Dr Mahathir menceritakan pengalamannya ketika berada di selatan Afrika baru-baru ini untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika.

"Saya dengar pemimpin-pemimpin Afrika menyebut 'terima kasih' bila tamat ucapan mereka...bahasa kita sudah sampai ke sana," katanya dan sekali lagi mendapat tepukan gemuruh.

Ini membuktikan bahawa jika rakyat Malaysia menjadi bangsa yang

maju,  
mempunyai intelek yang terkenal, membuat ciptaan barangan-barangan  
yang  
luar biasa dan boleh mengeluarkan segala barangan yang sekarang ini  
hanya  
dibeli daripada negara maju, negara-negara lain akan berminat  
mempelajari  
bahasa Melayu.

"Bila kita sudah sampai kepada tahap itu, tak payah lagi kita  
kata  
beljarlah bahasa Melayu, tak payah kerana mereka akan datang dan  
belajar,"

katanya. -- BERNAMA

AZZ AH MAI